

23 AUG 1996

MALAYSIA UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN BARU DOMINIKA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengucapkan tahniah kepada Presiden baru Dominika Leonel Fernandez kerana pelantikannya.

Tuanku Ja'afar menyatakan keyakinannya bahawa republik itu akan mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih pesat di bawah pemerintahan Fernandez, menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengucapkan tahniah kepada Fernandez dan berharap untuk meningkatkan hubungan dua hala.-- BERNAMA

TCL RON